

SIARAN MEDIA
Untuk Edaran Segera
15 Julai 2026

SD Guthrie dan Sime Darby Property Majukan Koridor Perindustrian Strategik ke Fasa Seterusnya

Beberapa perkembangan penting dicapai usaha sama termasuk cadangan transaksi tanah kira-kira 1,021.93 ekar di Ladang Bukit Kerayong

Petaling Jaya, 15 Julai 2026 – SD Guthrie Berhad (Guthrie) dan Sime Darby Property Berhad memperkukuhkan kerjasama strategik ke fasa seterusnya melalui beberapa perjanjian utama untuk mempercepatkan pembangunan koridor perindustrian dan logistik generasi baharu di Kuala Selangor.

Susulan pengumuman yang dibuat kedua-dua syarikat pada 7 November 2025 berkaitan penubuhan usaha sama 50:50 untuk membangunkan kira-kira 3,000 ekar tanah, kerjasama tersebut kini meraih beberapa pencapaian penting, termasuklah cadangan transaksi tanah melibatkan kira-kira 1,021.93 ekar di Ladang Bukit Kerayong, Kapar, Selangor.

Kawasan tersebut, yang membentuk sebahagian daripada pembangunan induk berskala besar, akan diperoleh pada harga sekitar RM798.3 juta, sekali gus membuka laluan bagi pelaksanaan projek kepada fasa seterusnya.

Di bawah usaha sama ini, Guthrie dan Sime Darby Property akan melabur sebanyak RM100 juta untuk pegangan ekuiti sebanyak 50% masing-masing, sekali gus memperkukuhkan komitmen kedua-dua pihak untuk bersama-sama merealisasikan nilai jangka panjang kawasan tanah tersebut sambil memacu pertumbuhan perindustrian strategik di Selangor.

Pembangunan Bukit Kerayong yang dirancang sebagai taman perindustrian berat generasi baharu serta disokong infrastruktur logistik dan tenaga boleh diperbaharui, meletakkannya sebagai pemangkin utama dalam ekosistem perindustrian Selangor yang terus berkembang. Kedudukannya juga strategik iaitu dalam zon pertumbuhan tinggi yang merangkumi Pelabuhan Klang, iaitu gerbang maritim utama Malaysia, serta disokong infrastruktur pengangkutan utama seperti Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE) dan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang bakal siap. Ini memberi jangkaan bahawa pembangunan tersebut akan menyokong aktiviti perindustrian berkapasiti tinggi serta memainkan peranan penting dalam memperkukuh kedudukan Selangor sebagai hab perindustrian dan logistik terkemuka.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Guthrie, Mohd Haris Mohd Arshad, berkata, perkembangan terbaru projek ini mencerminkan komitmen Guthrie dalam merealisasikan nilai melalui jalinan kerjasama strategik.

“Kerjasama ini mencerminkan tumpuan berterusan kami untuk menjana nilai daripada aset tanah melalui pakatan strategik yang saling melengkapi dan mampu memberikan pulangan mampan dalam jangka masa panjang. Pembangunan Bukit Kerayong merupakan peluang penting untuk merangsang pertumbuhan ekonomi di kawasan ini, menyokong aktiviti perindustrian dan komersial, serta mewujudkan nilai berpanjangan bagi pihak berkepentingan, selaras dengan aspirasi perindustrian negara,” katanya.

Dato' Seri Azmir Merican, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Sime Darby Property berkata, kerjasama tersebut menggariskan langkah yang jelas ke arah merealisasikan pembangunan perindustrian yang siaga menghadapi masa depan oleh dua syarikat yang sama-sama berkongsi sejarah penubuhan.

"Fasa seterusnya bagi projek pembangunan ini membawa kerjasama kami daripada peringkat perancangan kepada pelaksanaan. Dengan menggabungkan kepakaran Sime Darby Property dalam perancangan induk yang mampan serta aset tanah strategik SD Guthrie, kami kini membangunkan sebuah koridor perindustrian yang bersedia memenuhi keperluan rantaian bekalan yang sentiasa berkembang. Pembangunan ini akan menarik pelaburan bernilai tinggi, mewujudkan peluang pekerjaan yang signifikan, serta memperkukuhkan daya saing perindustrian Malaysia," katanya.

Pembangunan Bukit Kerayong diasaskan melalui pembangunan kukuh yang diwujudkan menerusi perbandaran bersepadu utama Sime Darby Property yang terdahulu iaitu Bandar Bukit Raja, dan melengkapi strategi pembangunan serantau yang lebih luas sehingga ke Pulau Carey. Bersama-sama kerjasama pembangunan di Pulau Carey yang telah diumumkan sebelum ini, projek-projek tersebut membentuk sebahagian daripada koridor perindustrian bersepadu yang merentasi kawasan Klang, Kapar dan Kuala Selangor, sekali gus menyokong aspirasi Kerajaan Negeri Selangor untuk memperkukuhkan ekosistem logistik, pembuatan dan pelabuhannya.

Selaras dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu Malaysia (NIMP 2030), koridor bersepadu ini direka untuk membolehkan pengelompokan rantaian bekalan yang lebih cekap, menarik industri bernilai tinggi serta menjana impak sosioekonomi yang mampan kepada masyarakat setempat.

Pendekatan pembangunan secara berfasa ini membolehkan kedua-dua syarikat memenuhi permintaan pasaran yang sentiasa berkembang, di samping mengekalkan tumpuan kukuh terhadap kelestarian, kesediaan infrastruktur dan pembentukan nilai jangka panjang.

Dengan termeterainya perjanjian-perjanjian terbaharu antara kedua-dua syarikat, usaha sama tersebut kini bersedia untuk memulakan fasa pembangunan seterusnya, sekali gus mempercepat kemajuan salah satu inisiatif pertumbuhan perindustrian paling signifikan di Selangor.

Mengenai SD Guthrie Berhad

SD Guthrie Berhad (Guthrie) ialah syarikat global terkemuka dan bertanggungjawab dalam sektor pengeluaran Minyak Sawit Disahkan Mampan (CSPO). Dengan tenaga kerja melebihi 83,000 orang, kami memenuhi keperluan pengguna dan pelbagai jenama makanan di 86 buah negara. Minyak sawit yang kami hasilkan adalah bebas daripada penebangan hutan dan boleh dikesan sumber asalnya.

Dengan sejarah penubuhan melangkaui 200 tahun, kami kini merupakan peneraju inovasi yang membangunkan generasi baharu robotik serta penyelesaian berasaskan teknologi bagi sektor minyak sawit dan perniagaan tani. Kami turut memenuhi permintaan bagi tenaga boleh diperbaharu melalui pembangunan projek solar dan taman perindustrian berprestasi tinggi, sambil memanfaatkan kepimpinan kami dalam kelestarian untuk membina lebih banyak kejayaan serta perniagaan yang siap siaga menghadapi masa depan.

Kelestarian adalah teras kepada segala yang kami lakukan. Sebagai syarikat minyak sawit pertama dunia dengan sasaran pengurangan gas rumah hijau bersih-sifar yang diluluskan oleh Science Based Targets initiative (SBTi), kami melangkaui dan meningkatkan penanda aras sedia ada melalui rangka kerja kelestarian Beyond Zero, demi memacu perubahan yang bermakna dalam sektor industri kami.

Guthrie mengendalikan 232 ladang sawit di Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, dan Kepulauan Solomon, yang disokong oleh 10 kilang penapisan dengan jumlah kapasiti tahunan sebanyak empat juta tan metrik. Kami menghasilkan 12% daripada jumlah keseluruhan CSPO di dunia. Kami juga menghasilkan dan menjual pelbagai derivatif minyak sawit seperti oleokimia, biodiesel, dan nutraseutikal, serta giat membangun dan mengkomersialkan benih sawit berprestasi tinggi dan lebih berdaya tahan terhadap cabaran perubahan iklim.

Disenaraikan di Bursa Malaysia (KLSE: SDG) dengan modal pasaran sebanyak RM45.78 bilion (USD11.26 bilion) setakat 14 Julai 2026, Guthrie adalah salah satu syarikat strategik milik Permodalan Nasional Berhad, syarikat amanah saham terbesar di Malaysia dan pemegang saham utama kami. Kami turut disokong oleh beberapa institusi pelaburan besar yang lain seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.sdguthrie.com

Atau Hubungi:

- **Michael Murty, Komunikasi Strategik**
Tel: +6016-326 8373 | E-mail: michael.murty@sdguthrie.com
- **Azneal Azam, Komunikasi Strategik**
Tel: +6016-337 6160 | E-mail: azneal.azam@sdguthrie.com

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Dengan pengalaman melebihi 50 tahun, Sime Darby Property telah berkembang daripada pemaju komuniti terancang yang dipercayai kepada sebuah syarikat hartanah yang berpandangan ke hadapan, membentuk ekosistem yang mampan bagi menyokong cara masyarakat hidup, bekerja dan berkembang maju. Syarikat telah lama menetapkan penanda aras dalam aspek kualiti, inovasi dan kelestarian, menerusi pembangunan kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 28 perbandaran serta projek di seluruh Malaysia.

Perniagaan Syarikat adalah berteraskan dua segmen utama: Pembangunan Hartanah, yang kekal sebagai peneraju pasaran dalam pembangunan perbandaran dan projek bersepadu; serta Pelaburan & Pengurusan Aset, yang memberi tumpuan kepada penciptaan nilai jangka panjang melalui pemilikan dan pengurusan aset secara strategik.

Selaras dengan strategi SHIFT32, Sime Darby Property sedang mempercepatkan peralihan daripada pemaju hartanah konvensional kepada syarikat hartanah yang lebih pelbagai, dengan fokus yang lebih kepada peningkatan aliran pendapatan berulang. Syarikat terus menerajui segmen industri dan logistik melalui pembangunan utama seperti Elmina Business Park, Bandar Bukit Raja dan Hamilton Nilai City, serta menjadi pemaju hartanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang menubuhkan dana pembangunan dalam sektor ini.

Sebagai sebuah organisasi yang berperanan sebagai A Force For Good, Syarikat komited untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050, sejajar dengan Science Based Targets initiative (SBTi) untuk menghadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebagai penyokong kukuh prinsip ESG, Sime Darby Property merupakan konstituen Indeks MSCI ACWI Small Cap dengan penarafan ESG MSCI BBB, dinilai oleh CDP (Carbon Disclosure Project), serta tersenarai dalam Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia dan FTSE4Good Bursa Malaysia Syariah, sekali gus mencerminkan komitmennya terhadap amalan ESG yang baik. Melalui badan dermanwannya, Yayasan Sime Darby, Syarikat terus memberi impak sosial yang bermakna dan berkekalan kepada semua komuniti di bawah seliaannya.

Sime Darby Property telah menerima pelbagai pengiktirafan, termasuk dinobatkan sebagai pemaju hartanah nombor satu Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards' oleh The Edge Malaysia bagi tahun 2024 dan 2025. Antara pencapaian lain termasuk anugerah tertinggi di The Edge Malaysia Best Managed & Sustainable Property Awards 2025, kemenangan di FIABCI World Prix d'Excellence Awards, StarProperty Awards, Malaysia Developer Awards, Putra Brand Awards, PropertyGuru Asia Awards Malaysia, serta tersenarai dalam Fortune Southeast Asia 500 bagi tahun 2026 untuk tahun ketiga berturut-turut—mencerminkan kepimpinan berterusan Syarikat dalam industri.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com.

Kontak Media:

- Hannah Rafee | +6017-878 8090 | hannah.rafee@simedarbyproperty.com
- Norsyahmee Rizal Norazman | +6019-777 3829 | syahmee.norazman@simedarbyproperty.com
- Hanie Nasir | +6019-725 7015 | hanie.afieqah@simedarbyproperty.com

Untuk pertanyaan lanjut, sila e-mel: group.communications@simedarbyproperty.com.